

KEPERLUAN KOMPAUN BAGI KESALAHAN TIDAK BOLEH TANGKAP DIBAWAH ENAKMEN KESALAHAN SYARIAH NEGERI MELAKA 1991

COMPOUND REQUIREMENTS FOR NON-APPRECIABLE OFFENCES UNDER THE MELAKA STATE SYARIAH OFFENCES ENACTMENT 1991

Mohd Arif Ariffin Abu Bakar^{1*}
Azhar Abdul Aziz²

¹ Akademi Pengajian Islam Kontemporari Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Malaysia
(E-mail: 2019840112@student.uitm.edu.my)

² Centre of Foundation Studies, Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor, Kampus Dengkil, Dengkil
43800 Selangor Malaysia (E-mail: azhar952@uitm.edu.my)

Article history

Received date : 10-7-2025
Revised date : 11-7-2025
Accepted date : 12-9-2025
Published date : 17-9-2025

To cite this document:

Abu Bakar, M. A. A., & Abdul Aziz, A. (2025).
Keperluan kompaun bagi kesalahan tidak boleh
tangkap dibawah Enakmen Kesalahan Syariah Negeri
Melaka 1991. *Journal of Islamic, Social, Economics
and Development (JISED)*, 10 (76), 101 - 119.

Abstrak: *Kompaun merupakan bentuk hukuman denda yang dibayar oleh pelaku kesalahan kepada pihak berkaitan tanpa perbicaraan atau pensabitan di Mahkamah. Di Malaysia penggunaan kompaun sebagai hukuman denda atau bentuk tawaran dan kebanyakannya melibatkan kesalahan-kesalahan kecil atau ringan seperti kesalahan lalu lintas yang melibatkan kesalahan gagal mematuhi lampu isyarat, kesalahan dibawah akta Imigresen seperti melanggar syarat pas atau permit, kesalahan di bawah akta kerajaan tempatan (PBT) yang melibatkan kesalahan-kesalahan dibawah undang-undang kecil penjaja seperti tidak mematuhi syarat lesen yang ditetapkan dan lain-lain lagi. Selain itu terdapat juga penggunaan kompaun terhadap kesalahan-kesalahan ringan syariah atau mempunyai elemen keagamaan dan nilai-nilai kerohanian seperti kesalahan berhubung dengan akad nikah perkahwinan dan lain-lain yang diperuntukkan dibawah Enakmen Kesalahan Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Perlis, 2024 dan juga kesalahan tidak menutup aurat dan berpakaian sopan yang diperuntukkan dalam Undang-Undang Kecil Tred, Perniagaan dan Perindustrian MPKB 1989 (Pindaan) 2002 Kompaun dilihat sebagai salah satu daripada peringanan hukuman bagi memberi kesedaran dan peluang kepada pelaku kesalahan untuk bertaubat. Kajian ini adalah bertujuan menganalisis keperluan kompaun bagi kesalahan tidak boleh tangkap dibawah Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991. Kajian ini berbentuk kajian kualitatif menerusi kaedah analisis kandungan, pengumpulan data dan analisis dokumen seperti buku-buku, jurnal, kertas kerja, tesis, artikel dan statut. Dapatan kajian mendapati pelaksanaan kompaun sesuai bagi kesalahan kali pertama yang melibatkan beberapa kesalahan tidak boleh tangkap dibawah Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991 seperti seksyen 46 (tidak menunaikan sembahyang Jumaat), seksyen 49 (menjual makan dan makan dalam bulan Ramadan) dan lain-lain lagi. Hal ini kerana kaedah kompaun terhadap kesalahan kali pertama merupakan pencegahan awal dan pemulihan yang diberikan terhadap pelaku supaya tidak*

mengulangi kesalahan tersebut. Oleh itu, keharusan pemerintah dan pihak berkaitan mengenakan kompaun terhadap pelaku kesalahan tidak boleh tangkap ini adalah sebagai salah satu usaha untuk mencegah kesalahan daripada berlaku.

Kata Kunci: *Kompaun, Hukuman denda, Kesalahan tidak boleh tangkap*

Abstract: *Compound is a form of fine paid by the offender to the relevant party without trial or conviction in Court. In Malaysia, compound is used as a fine or a form of offer and mostly involves minor or light offenses such as traffic offenses involving the offense of failing to obey traffic lights, offenses under the Immigration Act such as violating pass or permit conditions, offenses under the Local Government Act (LGA) which involve offenses under hawkers bylaws such as not complying with the stipulated license conditions and others. In addition, there is also the use of compound for minor syariah offenses or having religious elements and spiritual values such as offenses related to marriage contracts and others provided for under the Perlis Islamic Family Law Offences Enactment, 2024 and also the offense of not covering one's private parts and dressing modestly provided for in the Trade, Business and Industry Bylaws MPKB 1989 (Amendment) 2002. Compound is seen as one of the mitigation of punishment to provide awareness and an opportunity for offenders to repent. This study aims to analyze the need for compounding for non-arrestable offenses under the Melaka State Syariah Offences Enactment 1991. This study is in the form of a qualitative study through the method of content analysis, data collection and document analysis such as books, journals, working papers, theses, articles and statutes. The study findings found that the implementation of compounding is appropriate for first-time offenses involving several non-arrestable offenses under the Melaka State Syariah Offences Enactment 1991 such as section 46 (failing to perform Friday prayers), section 49 (selling food and eating during the month of Ramadan) and others. This is because the compounding method for first-time offenses is an early prevention and rehabilitation given to the perpetrators so that they do not repeat the offense. Therefore, the obligation of the government and relevant parties to impose compounding on perpetrators of non-arrestable offenses is as one of the efforts to prevent the offense from occurring.*

Keywords: *Compound, Fine, Non-arrestable offense*

Pengenalan

Menurut kamus dewan edisi keempat (2015), kompaun adalah bentuk denda yang dibayar tanpa melalui pendakwaan di mahkamah. Kompaun ini boleh dimaksudkan sebagai bentuk denda yang dibayar oleh pihak tertuduh dengan pihak berkaitan tanpa melalui perbicaraan atau pensabitan di mahkamah. Di Malaysia, terdapat penggunaan denda melalui kompaun ini yang dilaksanakan terhadap beberapa kesalahan kecil atau tertentu. Antara kesalahan-kesalahan tersebut seperti kesalahan lalu lintas yang melibatkan kesalahan gagal mematuhi lampu isyarat, tidak memakai tali pinggang keledar, menggunakan lorong kecemasan, lesen memandu tamat tempoh dan lain-lain, kesalahan dibawah akta Imigresen seperti melanggar syarat pas atau permit, kesalahan dibawah akta kerajaan tempatan (PBT) yang melibatkan kesalahan-kesalahan dibawah undang-undang kecil iklan seperti mempamerkan atau mendirikan iklan tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Majlis, dibawah undang-undang kecil tandas awam seperti merosakkan atau memindahkan apa-apa barang dalam tandas, undang-undang kecil penaja seperti tidak mematuhi syarat lesen yang ditetapkan oleh Majlis dan lain-lain lagi (Trafik PDRM, 2015; Jabatan Imgresen Malaysia, 2025; Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya, 2025).

Sehubungan itu, menurut seksyen 120 (kuasa untuk mengkompaun) Akta 333 (Akta Pengangkutan Jalan 1987) kuasa untuk mengkompaun bagi kesalahan-kesalahan adalah dibawah Pendakwa Raya yang memberi keizinan secara bertulis kepada pegawai-pegawai terlibat seperti Ketua Pegawai Polis, Pesuruhjaya Polis, Pegawai Polis yang diberi kuasa, Ketua Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Pengarah atau Pegawai JPJ yang diberi kuasa, Datuk Bandar Majlis Bandaraya, Yang Dipertua Majlis Perbandaran atau Pengerusi Majlis Perbandaran yang diberi kuasa, Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia dan Pegawai PBT yang diberi kuasa. Begitu juga terdapat dibawah akta lain yang memberi kuasa ke atas pegawai-pegawai tertentu untuk mengkompaun kesalahan seperti seksyen 32(kuasa untuk mengkompaun kesalahan) Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981, Seksyen 59 (mengkompaun kesalahan) Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 43c (kuasa untuk mengkompaun) Akta Pemegang Pajak Gadaai 1972 dan lain-lain lagi. Kebanyakan dalam akta-akta tersebut menyatakan bahawa kuasa untuk mengkompaun bagi kesalahan-kesalahan adalah dibawah Pendakwa Raya yang memberi keizinan secara bertulis kepada pegawai-pegawai yang tertentu.

Justeru, kebanyakan kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun di Malaysia adalah berkaitan dengan kesalahan-kesalahan yang selain daripada kesalahan-kesalahan syariah. Namun begitu terdapat juga beberapa negeri di Malaysia yang menggunakan denda melalui kompaun ke atas kesalahan-kesalahan syariah dan kesalahan-kesalahan lain yang terdapat elemen keagamaan dan nilai-nilai kerohanian seperti di bawah Enakmen Undang-Undang Kelaurga Islam Negeri Perlis, 2024 terdapat pengkompaunan kesalahan dibawah seksyen 35 (tidak hadir di hadapan pendaftar pada masa yang ditetapkan, seksyen 40 (apa-apa kesalahan berhubung dengan akad nikah perkahwinan), seksyen 124 (poligami tanpa kebenaran mahkamah), seksyen 125 (perceraian luar mahkamah), seksyen 126 (tidak membuat laporan), seksyen 132 (persetubuhan luar nikah selepas perceraian) dan seksyen 134 (subahat) iaitu pada kesalahan-kesalahan yang dinyatakan (Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis, 2025). Selain itu, Majlis Perbandaraan Kota Bharu Kelantan-Bandaraya Islam (MPKB-BRI) telah menggunakan kaedah kompaun ini kepada kesalahan tidak menutup aurat dan tidak berpakaian sopan. Kewajipan menutup aurat diberikan syarat kepada pemegang lesen dari kalangan wanita dan pekerja wanita yang beragama Islam. Manakala bagi kalangan wanita yang bukan Islam adalah diberikan kewajipan memakai pakaian sopan. Susulan itu, kompaun boleh dikenakan kepada pemegang lesen perniagaan sama ada lelaki ataupun wanita yang beragama Islam sekiranya terdapat pekerja-pekerja wanita Islam dibawah seliaan mereka yang tidak menutup aurat dan wanita bukan Islam yang tidak berpakaian sopan. Kompaun juga dikenakan kepada pemegang lesen dari kalangan wanita yang melanggar peraturan yang ditetapkan dalam kewajipan menutup aurat dan berpakaian sopan. Kesalahan tersebut telah diwartakan dibawah Undang-Undang Kecil Tred, Perniagaan dan Perindustrian MPKB 1989 (Pindaan) 2002 (Mohd Azhar Abdullah dan Raihanah Abdullah, 2010).

Kajian Literatur

Tidak banyak kajian yang dilakukan terhadap kompaun bagi kesalahan yang melibatkan kesalahan syariah di Malaysia khususnya di Negeri Melaka. Namun, terdapat juga pihak berusaha dalam melakukan kajian terhadap kompaun yang dilihat relevan dengan kajian ini. Menurut Junainah Hanim Mohamed Nor et al., (2024), terdapat dari kalangan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah melaksanakan kompauan terhadap kesalahan membiarkan binatang-binatang pemeliharaan berkeliaran bebas tanpa pemantauan oleh pemilik binatang-binatang tersebut. Kompaun ini dikenakan ke atas pemilik dengan jumlah yang tertentu. Hukuman penerimaan denda melalui kompaun ini bagi menjamin kemaslahatan dan menolak kemudaratan. Ianya menepati kaedah feqh iaitu “Setiap sebab yang mengarah kepada kerosakan

ditegah terhadapnya, apabila padanya tidak terdapat kemaslahatan yang kukuh”. Ini kerana membiarkan binatang-binatang pemeliharaan berkeliaran bebas akan menyebabkan salah satu daripada punca berlakunya kemalangan jalan raya. Begitu juga menurut Mohd Azhar Abdullah dan Raihanah Abdullah (2010), bagi merealisasikan hasrat perbandaran Islam pada tahun 2015 di Negeri Kelantan, Kerajaan Kelantan melalui Majlis Perbandaran Kota Bahru-Bandaraya Islam (MPKB-BRI) telah melaksanakan penguatkuasaan undang-undang aurat dan berpakaian sopan yang telah diwartakan dibawah Undang-Undang Kecil Tred, Perniagaan dan Perindustrian MPKB 1989 (Pindaan) 2002. Penguatkuasaan undang-undang ini adalah berkaitan dengan pelaksanaan kompaun terhadap pemegang lesen perniagaan sama ada lelaki ataupun wanita yang beragama Islam sekiranya terdapat pekerja-pekerja wanita Islam dibawah seliaan mereka yang tidak menutup aurat dan juga bagi pekerja wanita bukan Islam yang tidak berpakaian sopan. Selain itu kompaun juga dikenakan kepada pemegang lesen perniagaan dari kalangan wanita beragama Islam yang tidak menutup aurat dan pemegang lesen perniagaan dari kalangan wanita bukan Islam yang tidak berpakaian sopan. Sehubungan itu, Islam mewajibkan setiap umatnya untuk menutup aurat dan berpakaian sopan dan tujuan pelaksanaan kompaun ini dilihat bertetapan dengan hukum syarak. Selain itu, menutup aurat memberi implikasi yang baik sama ada kepada individu atau masyarakat seperti menjamin kesejahteraan sosial. Ianya juga memberikan imej yang baik umumnya kepada kerajaan Negeri Kelantan.

Pelaksanaan kompaun kebanyakannya melibatkan kesalahan-kesalahan kecil atau ringan dan bertujuan untuk memberi pengajaran dan pencegahan awal kepada pelaku kesalahan dan masyarakat. Selain itu, ianya juga bertujuan untuk menolak kemudaratan. Pelaksanaan kompaun ini sama dengan matlamat pelaksanaan hukuman dalam Islam iaitu selain daripada hukuman pembalasan ianya juga memberi pengajaran, pencegahan dan pemulihan. Menurut Jasri Jamal dan Hasnizam Hashim (2017), Rasulullah S.A.W pernah melaksanakan hukuman ringan terhadap pelaku kesalahan yang dikategorikan sebagai hukuman takzir berbentuk penjiwaan iaitu celaan rasmi atau amaran (*al-Tawbikh*) dan tegas dan juga pemulauan (*al-Hajr*). Begitu juga para sahabat seperti Saidina Umar Bin Al-Khattab r.a pernah melaksanakan hukuman ringan berbentuk takzir seperti hukuman ugutan (*al-Tahtid*) dan pendedahan kesalahan di khalayak ramai (*al-Tasyhir*) kepada pelaku kesalahan. Pelaksanaan keringanan hukuman ini adalah sebagai pengajaran, pemulihan dan peluang yang diberikan kepada pelaku kesalahan untuk bertaubat dan tidak mengulangi kesalahan yang dilakukan.

Selain itu, kompaun merupakan salah satu daripada kaedah alternatif dalam perundangan Islam sebagai pencegahan awal dan pemulihan untuk mengelakkan pengulangan kesalahan. Hukuman alternatif merupakan hukuman pemulihan terhadap pesalah syariah yang terlibat supaya mereka dapat memperbaiki diri dan menjadi masyarakat yang patuh kepada hukum syarak dan undang-undang. Menurut Jasri Jamal dan Hasnizam Hashim (2016), pelaksanaan hukuman alternatif dapat memberi pilihan kepada mahkamah syariah dalam menghadapi kekangan bentuk hukuman sedia ada dengan matlamat untuk memulihkan pesalah berbanding menghukum mereka semata-mata. Menurut Adibah Bahori et.al, (2017), hukuman alternatif seperti kelas bimbingan dan agama dan khidmat masyarakat kepada kesalahan berkaitan tatsusila dan krisis akhlak mampu memberi implikasi positif bukan sahaja terhadap pesalah, masyarakat dan institusi kehakiman. Ini kerana hukuman sedemikian dilihat sebagai satu metod terbaik khususnya bagi menginsafkan pesalah agar tidak mengulangi kesalahan tersebut. Bagi Hasnizam Hashim et.al, (2024) pula menyatakan hukuman alternatif dapat memberikan peluang kedua kepada pesalah untuk mereka memperbaiki diri supaya menjadi masyarakat yang patuh kepada perundangan dan hukum syarak. Selain itu, merupakan satu keperluan kepada Mahkamah Syariah menggunakan pendekatan atau perubahan bentuk hukuman mengikut kesesuaian perubahan zaman bagi kepelbagaian kaedah dalam mencapai keadilan (Hasnizam Hashim et.al, 2024).

Pernyataan masalah

Kebanyakan pelaksanaan kompaun dikenakan terhadap kesalahan-kesalahan kecil atau ringan yang selain daripada jenayah syariah seperti kesalahan lalu lintas dan kesalahan di bawah undang-undang kecil Pihak Berkuasa Tempatan (Trafik PDRM, 2015; Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya, 2025). Namun, terdapat juga pelaksanaan kompaun terhadap kesalahan-kesalahan syariah mal atau matrimoni seperti poligami tanpa izin mahkamah, perceraian dilakukan di luar mahkamah dan lain-lain lagi (Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis, 2025). Walaupun terdapat pelaksanaan kompaun terhadap kesalahan-kesalahan syariah yang melibatkan kesalahan-kesalahan mal atau matrimoni, namun ianya tidak melibatkan kategori kesalahan-kesalahan syariah yang berhubung dengan moral, kesusilaan atau kesucian agama Islam seperti berjudi, tidak menghormati bulan Ramadan, tidak menunai sembahyang Jumaat dan perlakuan tidak sopan ditempat awam.

Kesalahan-kesalahan syariah yang berhubung dengan moral, kesusilaan atau kesucian agama Islam merupakan antara gejala sosial yang membimbangkan berlaku di Negeri Melaka. Walaupun penguatkuasaan undang-undang jenayah atau kesalahan syariah telah dilakukan namun ia seolah-olah tidak memberi kesan kepada individu yang melakukan kesalahan-kesalahan tersebut. Menurut statistik kes kesalahan syariah di bawah Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991, Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Melaka bagi tahun 2020 hingga 2024 terdapat 3 jenis kesalahan syariah yang berhubung dengan moral, kesusilaan atau kesucian agama Islam yang berlaku keseriusan gejala sosial di Negeri Melaka seperti jadual dibawah.

Jadual 1: Statistik Kes Kesalahan Syariah Di Bawah Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka (EKSNM) 1991, Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Melaka bagi tahun 2020 hingga 2024

Bil	No. Seksyen	Jenis Kesalahan	2020	2021	2022	2023	2024	Jumlah
1	49	Menjual makanan dan makan dalam bulan Ramadan	4	77	41	77	31	230
2	71	Perbuatan Tidak Sopan	20	8	40	60	117	245
3	81	Berjudi	55	6	32	72	47	212

Sumber: Statistik Kes Kesalahan Syariah Di Bawah Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991, Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Melaka

Jadual 1 memaparkan statistik kes kesalahan syariah Negeri Melaka yang merupakan kesalahan tidak boleh tangkap. Kesalahan tidak boleh tangkap adalah sesuatu kesalahan ringan yang diperuntukan hukuman pemenjaraan selama tempoh kurang daripada satu tahun atau dengan denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau kedua-duanya sekali. (Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Negeri Melaka 2002 Berdasarkan statistik dari tahun 2020 hingga 2024, kes paling banyak dilakukan adalah kesalahan perbuatan tidak sopan (Sek 71) sebanyak 245 kes, kemudian kesalahan yang berkaitan dengan menjual makanan dan makan dalam bulan Ramadan (Sek 49) sebanyak 230 kes dan kesalahan berjudi (Sek 81) sebanyak 212 kes. Ini di antara menunjukkan keseriusan masalah atau gejala sosial yang berlaku di Negeri Melaka dan ia perlu dibendung dengan lebih berkesan.

Kompaun merupakan salah satu bentuk pencegahan bagi memastikan masyarakat mematuhi undang-undang dan arahan yang sedang berkuatkuasa (Kementerian Kesihatan, 2021). Denda dalam Islam merupakan hukuman takzir dan menepati matlamat hukuman dalam Islam antaranya memberi pengajaran, pencegahan dan pemulihan sama ada kepada individu yang melakukan kesalahan atau masyarakat (Jasri Jamal dan Hasnizam Hashim, 2017; Muhajirin, 2019). Oleh itu, kompaun dilihat juga antara kaedah yang dapat membendung keseriusan gejala sosial yang berlaku khususnya di Negeri Melaka.

Selain itu kompaun juga dilihat berperanan dalam mempercepatkan penyelesaian kes bagi kesalahan ringan dan membantu mengurangkan kes tertunggak di Mahkamah. Di Negeri Melaka, terdapat kes kesalahan syariah dalam kategori tidak boleh tangkap masih lagi tiada pensabitan di Mahkamah walaupun siasatan dari Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) terhadap kes tersebut telah lama selesai ke Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Melaka. Hal ini sepertimana yang dinyatakan dalam rekod pergerakan kertas siasatan, Bahagian Penguatkuasaan JAIM yang melibatkan kes kesalahan syariah dibawah seksyen 49 (menjual makanan dan makan dalam bulan Ramadan) dan seksyen 71 (perbuatan tidak sopan) EKSNM 1991 seperti jadual 2 dibawah.

Jadual 2: Rekod Pergerakan Kertas Siasatan Kesalahan Seksyen 49 Dan 71 EKSNM 1991, Bahagian Penguatkuasaan JAIM

Tahun	Bilangan Kertas Siasatan	Seksyen Kesalahan	Hantar Ke Pendakwaan	Status
2022	36	71	Ogos 2022 - November 2023	Belum Sabitan Di Mahkamah
	34	49	Jun 2022-September 2022	Belum Sabitan Di Mahkamah
2023	57	71	Jun 2023-Okttober 2023	1 kes-selesai di Mahkamah (2%)
				56 kes-belum sabitan di Mahkamah (98%)
	59	49	Julai 2023-Disember 2023	Belum Sabitan Di Mahkamah

Sumber: Rekod Pergerakan Kertas Siasatan Kesalahan Seksyen 49 Dan 71 EKSNM 1991, Bahagian Penguatkuasaan JAIM

Jadual 2 memaparkan rekod pergerakan kertas siasatan bagi kes kesalahan syariah dibawah seksyen 49 (menjual makanan dan makan dalam bulan Ramadan) dan seksyen 71 (perbuatan tidak sopan) EKSNM 1991. Berdasarkan rekod pergerakan tersebut, pada tahun 2022 terdapat sebanyak 36 kertas siasatan bagi kes dibawah seksyen 71 dan 34 kertas siasatan bagi kes dibawah seksyen 49 telah selesai dihantar ke Jabatan Pendakwaan Syariah bermula Jun 2022 hingga November 2023, namun sehingga kini kes-kes tersebut masih lagi belum ada pensabitan di Mahkamah. Bagi tahun 2023 pula terdapat sebanyak 57 kertas siasatan bagi kes dibawah seksyen 71 dan 59 kertas siasatan bagi kes dibawah seksyen 49 telah selesai dihantar ke Jabatan Pendakwaan Syariah bermula Jun 2023 hingga Disember 2023, namun terdapat hanya 1 kes sahaja telah selesai pensabitan di Mahkamah iaitu kesalahan dibawah seksyen 71 EKSNM 1991 dan selainnya sehingga kini belum ada pensabitan di Mahkamah. Oleh yang demikian, satu kaedah alternatif dalam perundangan syariah boleh diwujudkan seperti kompaun dan ianya diharap dapat mengurangkan bebanan Mahkamah bagi kes-kes ringan atau kecil dan membolehkan Mahkamah memberi tumpuan terhadap kes-kes yang lebih serius.

Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif menerusi kaedah analisis kandungan dan pengumpulan data melalui, kaedah analisis dokumen. Dalam kajian ini, analisis dokumen yang berkaitan dan signifikan, seperti buku-buku, jurnal, kertas kerja, tesis, artikel, statut dan dokumen digunakan bagi mendapatkan gambaran yang jelas tentang kajian penulis. Melalui kaedah ini penulis dapat menganalisa data dan maklumat-maklumat yang dihasilkan daripada rujukan-rujukan bertulis baik yang bersifat primer seperti enakmen kesalahan syariah, enakmen tatacara jenayah syariah, rekod pergerakan kertas siasatan dan statistik kesalahan pesalah syariah. Manakala sumber skunder pula seperti buku-buku, jurnal, kertas kerja, tesis dan artikel.

Hukuman Denda Dalam Prespektif Islam

Dalam Islam denda merupakan hukuman asal atau hukuman tambahan kepada sesuatu kesalahan. Hukuman denda merupakan salah satu daripada hukuman takzir iaitu hukuman yang ditentukan oleh pemerintah atau hakim untuk memberi pengajaran, pemulihan dan memberi peringatan yang menakutkan. Ia juga merupakan hukuman yang ditetapkan oleh hakim ke atas pesalah berbentuk bayaran sejumlah wang di atas kesalahan yang dilakukan (Mohd. Afizul Hakim Ibakarim dan Nasrul Hisyam Nor Muhamad, 2017; Jasri Jamal dan Hasnizam Hashim, 2017; Muhajirin, 2019). Terdapat perbezaan pendapat ulama berkaitan pelaksanaan denda dalam hukuman. Pendapat daripada ulama Hanbali, Ibnu Taimiyah, Ibnu Qayyim al-Jauziah, jumhur ulama Maliki, ulama Hanafi, dan sebahagian ulama dari mazhab Syafi'i menyatakan bahawa hakim boleh melaksanakan hukuman denda terhadap jenayah atau kesalahan takzir (Muhajirin, 2019; Wahbah Al-Zuhaili, 2003). Hal ini sepertimana hadis daripada Bahaz Bin Hakim dari ayah dan datuknya, dia berkata; Aku mendengar Rasulullah S.A.W bersabda:

فِي كُلِّ إِبِلٍ سَائِمَةٍ. فِي كُلِّ أَرْبَعَيْنِ: ابْنَةُ لَبُونٍ، لَا يُفَرَّقُ إِبِلٌ عَنْ حَسَائِجِهَا، مَنْ أَعْطَاهَا مُؤَبَّرًا فَلَهُ أَجْرُهَا وَمَنْ
أَبَى فَإِنَّا آخِذُوهَا وَشَطْرُ مَالِهِ، عَزْمَةٌ مِنْ عَزَمَاتِ رَبِّنَا، لَا يَحِلُّ لَأَلِ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْهَا
شَيْءٌ

Maksudnya: Bagi setiap 40 ekor unta yang mencari makanan sendiri, zakatnya adalah seekor unta betina yang berumur 2 tahun masuk tiga tahun, janganlah unta tersebut dipisahkan tentang hisabnya. Sesiapa patuh atau taat dalam menunaikan zakat untanya maka ia akan mendapat balasannya, dan sesiapa yang enggan membayarnya, maka Aku akan mengambilnya, dan mengambil sebahagian daripada hartanya sebagai denda dan sebagai hukuman dari Tuhan kami, tidak halal bagi keluarga. Muhammad s.a.w sesuatu daripada zakat

(Sunan Nasa'i, Cet.1, 1988).

Manakala menurut Imam al Syafi'i pada qaul jadid, Imam Abu Hanifah, Muhammad bin Hasan Asy- Syaibani, dan sebahagian ulama dari Mazhab Maliki menyatakan bahawa hukuman denda tidak boleh dilaksanakan kerana melaksanakan hukuman denda pada awalnya yang telah dilaksanakan oleh Rasulullah S.A.W telah dibatalkan (Fadlan, 2018). Hal ini berdasarkan hadis Nabi S.A.W:

Daripada Fatimah binti Qais bahawa beliau berkata: Aku bertanya atau ditanya kepada Nabi SAW berkenaan zakat lalu Baginda bersabda:

إِنَّ فِي الْمَالِ لَحَقًّا سِوَى الزَّكَاةِ

Maksudnya: *Sesungguhnya pada harta ada kewajiban/hak (untuk dikeluarkan) selain zakat*

(Sunan At-Tirmidzi, Cet.1, 1992).

Oleh demikian, bagi sebahagian ulama yang membolehkan pelaksanaan hukuman denda menetapkan bahawa hukuman tersebut mestilah berbentuk ancaman iaitu dengan mengambil wang pesalah dan menahan wang tersebut sehingga pesalah tersebut menjadi baik. Sekiranya pesalah tersebut memperbaiki dirinya, maka harta atau wangnya dikembalikan kepadanya, tetapi sekiranya dia tidak memperbaiki dirinya, maka harta atau wangnya disedekahkan untuk jalan kebaikan (Fadlan, 2018). Walaubagaimanapun terdapat juga pandangan dari sebahagian *tabi'in* dan Syeikh Abdul Qahir al-Maghribi mengharuskan pelaksanaan takzir dengan mengambil harta dan tidak perlu dikembalikan harta tersebut kepada pemiliknya walaupun dia telah bertaubat atau memperbaiki diri, namun harta tersebut diserahkan kepada baitulmal atau digunakan untuk kepentingan umum (Muhammad Ahmad al-Syathiri, 2007).

Peringatan Hukuman Dalam Islam

Dalam perundangan Islam terdapat juga konsep peringanan hukuman yang disebut sebagai *al-tahfif* iaitu satu peringanan hukuman kepada hukuman yang kurang menyakitkan. Kemaafan daripada mangsa jenayah juga merupakan satu bentuk keringanan hukuman. Hal ini sepertimana firman Allah S.W.T:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الْقِصَاصُ فِي الْقَتْلِ الْحُرُّ بِالْحُرِّ وَالْعَبْدُ بِالْعَبْدِ وَالْأُنْثَىٰ بِالْأُنْثَىٰ فَمَنْ عُفِيَ لَهُ مِنْ أَخِيهِ شَيْءٌ فَاتَّبِعْ بِالْمَعْرُوفِ وَأَدَاءٌ إِلَيْهِ بِإِحْسَانٍ ذَلِكَ تَخْفِيفٌ مِنْ رَبِّكُمْ وَرَحْمَةٌ فَمَنْ اعْتَدَىٰ بَعْدَ ذَلِكَ فَعَلَهُ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿١٧٨﴾

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman! Diwajibkan kamu menjalankan hukuman "Qisas" (balasan yang seimbang) dalam perkara orang-orang yang mati dibunuh iaitu: orang merdeka dengan orang merdeka, dan hamba dengan hamba, dan perempuan dengan perempuan. Maka sesiapa (pembunuh) yang dapat sebahagian keampunan dari saudaranya (pihak yang terbunuh), maka hendaklah orang yang mengampunkan itu mengikut cara yang baik (dalam menuntut ganti nyawa), dan (si pembunuh pula) hendaklah menunaikan bayaran ganti nyawa itu dengan sebaik-baiknya. Yang demikian itu adalah suatu keringanan dari Tuhan kamu serta suatu rahmat kemudahan. Sesudah itu sesiapa yang melampaui batas (untuk membalas dendam pula) maka baginya azab seksa yang tidak terperi sakitnya*

(Surah al-Baqarah, 1: 178).

Selain daripada pembalasan, falsafah hukuman dan matlamatnya dalam Islam antaranya adalah memberikan pemulihan dan pencegahan. Hukuman dalam Islam juga merupakan satu bentuk tarbiah atau pengajaran yang boleh memberikan kesan yang baik dalam diri dan peribadi seseorang pesalah. Proses tarbiah ini juga antara pendekatan yang digunakan oleh Rasulullah S.A.W dalam membentuk jiwa dan peribadi masyarakat ke arah yang lebih baik (Amin al-Jarumi dan Nadia Murshida Abd Azzis, 2017; Muhammad Zulazizi Mohd Nawawi, 2020). Selain daripada hukuman hudud yang merupakan hukuman yang berat dilaksanakan ke atas pesalah, Rasulullah S.A.W juga menggunakan pendekatan hukuman ringan bagi memberi kesedaran dan peluang kepada pesalah untuk bertaubat. Pendekatan ini juga merupakan satu pengajaran dan pemulihan ke atas pesalah untuk memperbaiki diri serta menjadi masyarakat yang patuh kepada

hukum syarak dan undang-undang. Antara hukuman ringan yang digunakan oleh Rasulullah S.A.W adalah hukuman berbentuk penjiwaan iaitu celaan rasmi atau amaran (*al-Tawbikh*) dan tegas dan juga pemulauan (*al-Hajr*). Hukuman berbentuk penjiwaan ini adalah merupakan antara bentuk hukuman takzir di dalam Islam (Jasri Jamal dan Hasnizam Hashim, 2017). Dalam hukuman berbentuk celaan rasmi atau amaran, Rasulullah SAW pernah mencela perbuatan Abu Dzhar al-Ghifari yang menghina seseorang dengan menghina ibunya. Hal ini berdasarkan hadis Nabi SAW, dari Al Ma'rur bin Suwaid berkata:

لَقِيتُ أَبَا ذَرٍّ بِالرَّبَذَةِ وَعَلَيْهِ حُلَّةٌ وَعَلَى غُلَامِهِ حُلَّةٌ فَسَأَلْتُهُ عَنْ ذَلِكَ فَقَالَ إِنِّي سَابَيْتُ رَجُلًا فَعَيَّرْتُهُ بِأُمِّهِ فَقَالَ لِي النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَا أَبَا ذَرٍّ أَعَيَّرْتَهُ بِأُمِّهِ إِنَّكَ أَمَرُو فَبِكَ جَاهِلِيَّةٌ إِخْوَانُكُمْ حَوْلُكُمْ جَعَلَهُمُ اللَّهُ تَحْتَ أَيْدِيكُمْ فَمَنْ كَانَ أَخُوهُ تَحْتَ يَدِهِ فَلْيُطْعِمْهُ مِمَّا يَأْكُلُ وَلْيَلْبِسْهُ مِمَّا يَلْبَسُ وَلَا تُكَلِّفُوهُمْ مَا يَغْلِبُهُمْ فَإِنْ كَلَّفْتُمُوهُمْ فَأَعِينُوهُمْ

Maksudnya: *Aku bertemu dengan Abu Dzar di Rabdzah yang ketika itu memakai dua lapis pakaian, begitu juga anaknya, maka Aku bertanya kepadanya tentang hal itu, dia menjawab: Aku telah menghina seseorang dengan menghina ibunya, maka Rasulullah S.A.W menegurku: "Wahai Abu Dzar, apakah kamu telah menghina ibunya? Sebenarnya kamu masih memiliki (sifat) jahiliah, saudara-saudara kamu adalah tanggungan kamu, maka sesiapa yang mempunyai saudaranya di bawah tangannya (tanggunganannya), maka jika dia makan, berilah dia makanan sebagaimana dia makan, jika dia berpakaian, berilah seperti yang dia pakai, jangan bebaskan mereka dengan apa-apa yang di luar batas kemampuan mereka. Jika kamu membebani mereka, maka bantulah mereka*

(Bukhari, Sahih Bukhari, ed.1, 1993).

Perbuatan menghina orang lain merupakan satu kesalahan dan kezaliman serta dilarang di dalam Islam. Ianya juga merupakan sifat tercela dan dibenci oleh Allah S.W.T. Hukuman berbentuk celaan rasmi atau amaran yang dilakukan oleh Rasulullah S.A.W terhadap perbuatan Abu Dzhar adalah bagi memberi peringatan dan kesedaran kepada beliau dan juga supaya beliau bertaubat disamping kembali melakukan kebaikan terhadap orang lain. Menurut ulama feqh, dalam pelaksanaan hukuman *al-Tawbikh* ini, tiada perkataan atau perbuatan yang khusus ditetapkan sebagai cara mencela. Namun, celaan dalam hukuman ini boleh dilakukan berdasarkan bentuk perkataan atau perbuatan yang difikirkan cukup dan sesuai oleh pihak hakim bagi memberi keinsafan dalam diri pesalah. Selain itu bentuk perkataan atau perbuatan dalam hukuman celaan tersebut bukanlah berbentuk fitnah atau makian (Jasri Jamal dan Hasnizam Hashim, 2017).

Dalam hukuman berbentuk pemulauan (*al-Hajr*) atau boikot pula, Rasulullah SAW pernah melaksanakan hukuman ini terhadap tiga orang sahabat yang tidak ikut serta dalam peperangan tabuk tanpa keuzuran. Mereka ialah Ka'ab Bin Malik, Murrah Bin Rabi'ah Al 'Amid dan Hilal Bin Umaiyah Al Waqifi. Pemulauan ini berlaku sepanjang tempoh lima puluh hari (Ibrahim Bafadhol, 2015; Jasri Jamal dan Hasnizam Hashim, 2017). Hal ini sepertimana diceritakan dalam hadis Nabi SAW bahawa Ka'ab Bin Malik berkata:

وَهَيَّ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمُسْلِمِينَ عَنْ كَلَامِنَا أُيُّهَا الثَّلَاثَةُ مِنْ بَيْنِ مَنْ تَخَلَّفَ عَنْهُ، فَاجْتَنَبْنَا النَّاسَ، وَتَعَيَّرُوا لَنَا حَتَّى تَنَكَّرْتُ فِي نَفْسِي الْأَرْضَ، فَمَا هِيَ إِلَّا أَعْرَفُ، فَلَبِثْنَا عَلَى ذَلِكَ خَمْسِينَ لَيْلَةً

Maksudnya: *Rasulullah SAW melarang kaum Muslimin berkata-kata dengan kami bertiga yang tidak mengikuti peperangan. Disebabkan itu, ramai orang menjauhi*

(memulaukan) diri dari kami, sikap mereka berubah kepada kami sehingga aku merasa asing di negeri yang aku tinggal yang dimana selama ini aku mengenali penduduknya. Hukuman ini aku hadapi selama tempoh lima puluh hari
(Muslim, Sahih Muslim, ed.4, 2001).

Hukuman ini menyebabkan Ka'ab Bin Malik berasa sangat menyesal dan bertaubat kepada Allah SWT. Setelah pemulauan berlaku selama lima puluh hari, taubat Ka'ab Bin Malik dan dua orang sahabat yang lain diterima Allah S.W.T. Hukuman pemulauan (*al-Hajr*) ini dilaksanakan oleh Rasulullah SAW kerana perbuatan yang dilakukan oleh Ka'ab Bin Malik, Murrah Bin Rabi'ah Al 'Amid dan Hilal Bin Umaiyyah Al Waqifi tersebut merupakan satu kesalahan dan boleh mempengaruhi masyarakat Islam daripada tidak mengambil berat serta bersikap suka bertangguh terhadap arahan Rasulullah SAW pada masa akan datang (Jasri Jamal dan Hasnizam Hashim, 2017).

Selain itu, para sahabat Rasulullah SAW juga ada menggunakan pendekatan hukuman ringan bagi memberi kesedaran dan peluang kepada pesalah untuk bertaubat. Hal ini sepertimana Saidina Umar Bin Al-Khattab r.a menggunakan pendekatan hukuman ugutan (*al-Tahdid*) dan pendedahan kesalahan di khalayak ramai (*al-Tasyhir*) yang merupakan bentuk hukuman takzir. Saidina Umar al-Khattab r.a pernah melaksanakan hukuman ugutan terhadap seorang lelaki yang telah menghina suatu kaum. Salah seorang daripada kaum tersebut telah mengadu perbuatan lelaki tersebut kepada Saidina Umar al-Khattab r.a. Saidina Umar memberitahu kepada pengadu tersebut dengan berkata: "Lidah lelaki yang menghina itu adalah untuk kamu". Namun saidina Umar memanggil semula pengadu tadi dan berkata: "Janganlah kamu laksanakan apa yang aku ucapkan tadi, aku mengatakan hal itu di hadapan orang ramai supaya lelaki tersebut tidak mengulangi perbuatan menghina itu lagi." (Muhammad Rawwas Qal'ahjih, 1981; Jasri Jamal dan Hasnizam Hashim, 2017). Dalam hukuman ancaman ini dapat memberikan pengajaran dan peluang kepada pesalah supaya tidak mengulangi kesalahan yang dilakukan. Selain itu ia juga merupakan pencegahan kepada masyarakat supaya tidak melakukan kesalahan yang dilakukan oleh pesalah (Nuryasni Yazid, 2011; Hasnizam Hashim, 2017).

Saidina Umar juga pernah melaksanakan hukuman pendedahan kesalahan di khalayak ramai (*al-Tasyhir*) terhadap orang yang telah membuat penyaksian palsu dengan menghitamkan wajah orang tersebut dan menaikkan beliau atas binatang tungan secara terbalik. Kemudian saidina Umar al-Khattab r.a memberitahu kepada orang ramai bahawa orang tersebut telah membuat penyaksian palsu dan tidak boleh menerimanya sebagai saksi. Pelaksanaan hukuman ini dapat memberi pengajaran kepada pesalah dan juga mencegah masyarakat supaya tidak melakukan kesalahan (Muhammad Rawwas Qal'ahjih, 1981; Hasnizam Hashim, 2017).

Keringanan hukuman yang dilaksanakan oleh Rasulullah S.A.W dan para sahabat dapat memberi pengajaran dan peluang kepada pesalah untuk bertaubat dan tidak mengulangi kesalahan yang dilakukan. Hukuman ini juga merupakan proses pemulihan kepada pesalah untuk membersihkan diri dari dosa dan membentuk peribadi ke arah yang lebih baik. Selain itu, sesuatu hukuman yang dilaksanakan juga dapat memberi pengajaran dan pencegahan kepada masyarakat supaya tidak melakukan sesuatu kesalahan. Ini kerana matlamat sesuatu hukuman dalam Islam antaranya memberikan pengajaran dan perlindungan kepada individu dan masyarakat daripada melakukan kesalahan-kesalahan atau jenayah (Mohd Mustaffa Jusoh et.al., 2018; Hamdani et al., 2021; Ahmad Ibrahim, 1978).

Penyeselaian Jenayah Islam Tanpa Pensabitan Di Mahkamah

Jenayah dalam Islam merupakan pelanggaran sesuatu kesalahan dalam syariah yang boleh dihukum sama ada dengan hukuman qisas, hudud atau takzir (Al-Mawardi, 2014). Sehubungan itu, hukuman dalam Islam dilihat mempunyai keadilan dan berperikemanusiaan. Ini kerana hukuman tersebut adalah bertujuan untuk memberikan pembalasan yang setimpal, mempunyai unsur pendidikan, kemaaffan, pemulihan dan pencegahan. Ia juga dapat melatih diri pesalah dengan mencegah diri mereka dari melakukan kesalahan yang melanggar hak-hak Allah dan manusia. Selain itu hukuman juga berperanan penting dalam usaha untuk memberi kemaslahatan dan kesejahteraan dalam sesebuah negara dan masyarakat. Selain itu ia juga berperanan dalam mencegah masyarakat daripada melakukan sesuatu jenayah (Nurhidayah Binti Azahari dan Zanariah Binti Dimon, 2021; Hasnizam Hashim et al., 2024).

Setiap pelaksanaan hukuman mestilah melalui proses pendakwaan atau pensabitan di mahkamah. Namun begitu, terdapat dalam hukum Islam penyeselaian beberapa kesalahan tanpa pensabitan di mahkamah. Hal ini sepertimana kesalahan dalam hudud seperti kesalahan zina dan lain-lain. Dalam kesalahan zina terdapat perbezaan pendapat ulama berkaitan kedudukan hukuman ke atas pesalah yang telah bertaubat sebelum kes zina tersebut dibawa kepada pihak hakim. Pandangan daripada mazhab Hanafi, Maliki, Syafi'i, Zahiri dan sebahagian daripada mazhab Hambali menyatakan bahawa hukuman hudud tetap dilaksanakan ke atas pesalah zina walaupun telah bertaubat, sama ada kes tersebut telah dibawa kepada hakim ataupun tidak. Manakala mazhab Hambali, sebahagian ulama Hanafi, Maliki dan Syafi'i menyatakan bahawa tidak dilaksanakan hukuman hudud ke atas pesalah yang telah bertaubat sebelum kesnya dibawa kepada pihak hakim. Begitu juga Ibnu Taimiah menyatakan bahawa pesalah yang melakukan jenayah zina, mencuri, dan meminum arak, sekiranya bertaubat sebelum kesalahan yang dilakukan tersebut di bawa kepada pihak hakim atau pemerintah maka gugurlah hukum hudud ke atasnya (Sayyid Sabiq, 2001; Ibnu Qudamah, 2008; Khairul Hamim, 2020). Hal ini sepertimana firman Allah S.W.T dalam surah al-Ma'idah ayat 34 berkaitan dengan *hirabah* (perbuatan merampas harta orang lain dengan kekerasan atau ugutan):

إِلَّا الَّذِينَ تَابُوا مِنْ قَبْلِ أَنْ تَقْدِرُوا عَلَيْهِمْ فَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٣٤﴾

Maksudnya: *Kecuali orang-orang yang bertaubat sebelum kamu dapat menangkapnya, (mereka terlepas dari hukuman itu). Maka ketahuilah, bahawasanya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani*

(Al-Ma'idah, 5:34).

Sabda Nabi S.A.W:

التَّائِبُ مِنَ الذَّنْبِ كَمَنْ لَا ذَنْبَ لَهُ

Maksudnya: *Orang yang (benar-benar) bertaubat daripada dosa adalah seperti mereka yang tidak ada dosa*

(Riwayat Ibnu Majah, 4250).

Selain itu, terdapat juga perbahasan ulama feqh berkaitan dengan pesalah yang membuat pengakuan kesalahan di hadapan hakim, namun tidak menjelaskan secara terperinci kesalahan yang dilakukan, maka menurut pandangan Imam Hanafi, Sayfi'i, Maliki dan Hambali bahawa tidak dilaksanakan hukuman ke atas pesalah tersebut sekiranya belum jelas terbukti kesalahan yang dilakukan. Kesalahan tersebut adalah berkaitan dengan dosa kecil (Syeikh Abdurrahman Al-Juzairi, 2015). Hal ini sepertimana hadis Nabi S.A.W yang dari Anas r.a:

كُنْتُ عِنْدَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَجَاءَهُ رَجُلٌ فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنِّي أَصَبْتُ حَدًّا فَأَقِمَّهُ عَلَيَّ، قَالَ
وَلَمْ يَسْأَلْهُ عَنْهُ، قَالَ وَحَضَرَتِ الصَّلَاةُ، فَصَلَّى مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَلَمَّا قَضَى النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الصَّلَاةَ، قَامَ إِلَيْهِ الرَّجُلُ فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنِّي أَصَبْتُ حَدًّا، فَأَقِمَّ فِي كِتَابِ اللَّهِ، قَالَ: أَلَيْسَ قَدْ صَلَّيْتَ مَعَنَا؟ قَالَ: نَعَمْ، قَالَ: فَإِنَّ اللَّهَ قَدْ غَفَرَ لَكَ ذَنْبَكَ. أَوْ قَالَ حَدَّكَ

Maksudnya: Ketika aku berada disamping Rasulullah S.A.W, datang seorang lelaki kepada Rasulullah S.A.W dan berkata: Wahai Rasulullah, aku telah melakukan perbuatan yang boleh dihukum dengan hukuman hudud, laksanakan hukuman tersebut ke atas diriku. Rasulullah S.A.W tidak bertanya kepada lelaki tersebut (berkaitan kesalahan yang dilakukan). Kemudian tiba waktu solat dan lelaki tersebut solat bersama Rasulullah S.A.W. Setelah baginda S.A.W selesai melaksanakan solat, lelaki tersebut berdiri berdekatan Rasulullah dan berkata: Wahai Rasulullah sesungguhnya aku telah melakukan perbuatan yang boleh dihukum dengan hukuman hudud, maka laksanakanlah hukum tersebut sesuai dengan ketentuan kitab Allah (Al-Quran). Rasulullah S.A.W bertanya kepada lelaki tersebut: Bukankah kamu telah melaksanakan solat bersama kami? Lelaki tersebut menjawab: Ya, benar. Rasulullah S.A.W bersabda: Sesungguhnya Allah telah mengampuni dosamu atau hudud ke atasmu

(Bukhari, 6823; Muslim, 2764).

Firman Allah S.W.T:

وَأَقِمِ الصَّلَاةَ طَرَفِي النَّهَارِ وَزُلْفَا مِنْ اللَّيْلِ إِنَّ الْحَسَنَاتِ يُذْهِبْنَ أَلْسِيَّاتٍ ۚ ذَلِكَ ذِكْرٌ لِلذَّكَّيرِ

Maksudnya: Dan dirikanlah sembahyang (wahai Muhammad, engkau dan umatmu), pada dua bahagian siang (pagi dan petang), dan pada waktu-waktu yang berhampiran dengannya dari waktu malam. Sesungguhnya amal-amal kebajikan (terutama sembahyang) itu menghapuskan kejahatan. Perintah-perintah Allah yang demikian adalah menjadi peringatan bagi orang-orang yang mahu beringat (Surah Hud, 11:114).

Menurut Ibnu Katsir (2003) dalam ayat ini menunjukkan bahawa melaksanakan sesuatu perbuatan yang baik dapat menghapuskan dosa-dosa yang terdahulu, Hal ini sepertimana hadis Nabi S.A.W:

Daripada Abu Bakar al-Siddiq r.a berkata, aku mendengar Rasulullah SAW pernah bersabda:

مَا مِنْ عَبْدٍ يُذْنِبُ ذَنْبًا، فَيُحْسِنُ الطُّهُورَ، ثُمَّ يَقُومُ فَيُصَلِّي رَكْعَتَيْنِ، ثُمَّ يَسْتَغْفِرُ اللَّهَ، إِلَّا غَفَرَ اللَّهُ لَهُ

Maksudnya: Mana-mana daripada kalangan hamba (hamba Allah) yang melakukan dosa, maka dia memperelokkan wuduknya. Kemudian dia menunaikan solat sebanyak dua rakaat, lalu dia beristighfar melainkan Allah akan mengampunkan dosanya (dosa kecil)

(Riwayat Abu Daud (1521).

Jesteru, Imam An-Nawawi (2010) menjelaskan bahawa berdasarkan hadis daripada Anas r.a tersebut menunjukkan perbuatan dosa yang boleh dihapuskan dengan solat ialah merupakan dosa kecil. Manakala dosa besar yang melibatkan hukuman hudud seperti sebatan, rejam bagi pesalah zina dan lain-lain tidak boleh dihapuskan dengan solat. Dalam hadis tersebut juga menyatakan bahawa pelaksanaan hukum hudud tidak dilakukan disebabkan Rasulullah S.A.W tidak meminta pengesahan daripada lelaki tersebut berkaitan alasannya untuk dihukum. Rasulullah S.A.W juga tidak meminta penjelasan tentang dosa apa yang dilakukan oleh lelaki tersebut disebabkan ingin menutup aib beliau.

Kesalahan Tidak Boleh Tangkap Dibawah Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991

Pelaksanaan penguatkuasaan jenayah syariah di Negeri Melaka adalah berdasarkan undang-undang yang telah diperuntukkan dibawah Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam 2002, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Melaka 2002, Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Negeri Melaka 2002 dan lain-lain lagi. Kuasa-kuasa penguatkuasaan yang telah diberikan oleh enakmen tersebut kepada para Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA) dalam kes-kes jenayah syariah boleh dikategorikan kepada dua kategori: kuasa siasatan dan penguatkuasaan kesalahan boleh tangkap dan kuasa siasatan dan penguatkuasaan dalam kesalahan tak boleh tangkap. Kesalahan boleh tangkap adalah sesuatu kesalahan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh satu tahun atau lebih dan kesalahan tidak boleh tangkap pula adalah sesuatu kesalahan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh kurang daripada satu tahun atau dengan denda sahaja (Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Negeri Melaka 2002; Myportfolio Unit Operasi, Bahagian Penguatkuasaan JAIM, Senarai Tugas Unit Operasi). Sehubungan itu, bagi kesalahan tidak boleh tangkap PPA hanya memberikan surat perintah hadir terhadap mana-mana orang yang melakukan atau cuba melakukan kesalahan syariah yang dikategorikan kesalahan tidak boleh tangkap di Negeri Melaka untuk memberi keterangan di Bahagian Penguatkuasaan JAIM. Antara jenis kesalahan tidak boleh tangkap berdasarkan Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991 ialah seperti seksyen 46 (tidak menunaikan sembahyang Jumaat) seksyen 49 (Menjual makanan dan makan di bulan Ramadan), seksyen 71 (Perbuatan tidak sopan) dan lain-lain lagi yang kebanyakannya memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi seribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali (Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Negeri Melaka 2002; Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991; Myportfolio Unit Operasi, Bahagian Penguatkuasaan JAIM, Senarai Tugas Unit Operasi). Antara peruntukan kesalahan tidak boleh tangkap berdasarkan EKSNM 1991 yang dinyatakan adalah seperti berikut:

i) Seksyen 46. Tidak Menunaikan Sembahyang Jumaat

Seseorang lelaki yang telah mencapai umur baligh dan yang tidak menunaikan sembahyang Jumaat di Masjid dalam kariahnya tiga kali berturut-turut dengan ketiadaan uzur syarie dan dengan ketiadaan sebab-sebab yang munasabah adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

ii) Seksyen 49. Menjual Makanan Dan Makan Dalam Bulan Ramadan

(1) *Seseorang yang pada waktu siang di dalam bulan Ramadan didapati makan atau minum atau membeli makanan atau minuman untuk dimakan atau diminum olehnya dengan serta-merta atau menjual atau memberi kepada orang yang beragama Islam makanan atau minuman untuk dimakan atau untuk diminum dengan serta-merta adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan tersebut boleh dikenakan hukuman denda tidak*

lebih dari satu ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan dan bagi kesalahan yang kedua atau berikutnya boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua belas bulan atau kedua-duanya sekali.

(2) Seseorang yang didapati menghisap sebarang tembakau atau seumpamanya pada waktu siang dalam bulan Ramadan adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan dikenakan hukuman denda tidak lebih dari lima ratus ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi tiga bulan dan bagi kesalahan yang kedua atau berikutnya, denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada enam bulan atau kedua-duanya sekali.

iii) Seksyen 71. Perbuatan Tidak Sopan.

(1) Sesiapa yang melakukan perbuatan atau berkelakuan atau berpakaian tidak sopan yang bertentangan dengan Hukum Syarak di mana-mana tempat awam adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(2) Seseorang lelaki yang didapati bercumbu-cumbuan di mana-mana tempat dengan seorang perempuan adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(3) Seseorang perempuan yang didapati bercumbu-cumbuan di mana-mana tempat dengan seorang lelaki adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Dapatan Dan Perbincangan

Kompaun dilihat sebagai bentuk denda yang dibayar oleh pelaku kesalahan dengan pihak berkaitan tanpa melalui perbicaraan atau pensabitan di mahkamah. Dalam hukum Islam denda merupakan salah satu daripada hukuman *takzir* iaitu yang ditentukan oleh pemerintah atau hakim untuk memberi pengajaran, pemulihan dan memberi peringatan yang menakutkan. Ia juga berbentuk sama ada bayaran sejumlah wang atau selainnya yang dikenakan ke atas pesalah di atas kesalahan yang dilakukan. Sehubungan itu, sebahagian ulama yang terdiri daripada ulama Hanbali, Ibnu Taimiyah, Ibnu Qayyim al-Jauziah, jumhur ulama Maliki, ulama Hanafi, dan sebahagian ulama dari mazhab Syafi'i menyatakan bahawa pelaksanaan hukuman denda terhadap jenayah atau kesalahan *takzir* adalah dibolehkan. Selain itu, berdasarkan keadilan hukuman dalam Islam, setiap pelaksanaan hukuman mestilah melalui proses pendakwaan atau pensabitan di mahkamah. Namun, dapatan kajian mendapati sebahagian ulama menyatakan bahawa bagi pesalah yang melakukan kesalahan hudud seperti zina, mencuri dan meminum arak, sekiranya telah bertaubat sebelum pesalah tersebut atau kesnya dibawa kepada pihak pemerintah atau hakim maka tidak dilaksanakan hukuman hudud ke atasnya. Ini menunjukkan bahawa terdapat dalam hukum Islam penyelesaian sesuatu kesalahan atau jenayah tanpa pensabitan di mahkamah.

Di Malaysia terdapat penggunaan kompaun sebagai denda yang dibayar oleh pelaku kesalahan kepada pihak berkaitan tanpa pensabitan atau pendakwaan di Mahkamah. Kebanyakan kesalahan-kesalahan yang boleh didenda melalui kompaun adalah berkaitan dengan kesalahan-kesalahan kecil atau ringan yang bukan daripada kesalahan-kesalahan syariah. Dapatan kajian

mendapati Rasulullah S.A.W dan para sahabat pernah menggunakan pendekatan hukuman ringan yang merupakan hukuman takzir berbentuk penjiwaan iaitu celaan rasmi atau amaran (*al-Tawbikh*) dan tegas dan juga pemulauan (*al-Hajr*), ugutan (*al-Tahdid*) dan pendedahan kesalahan di khalayak ramai (*al-Tasyhir*) yang melibatkan kesalahan-kesalahan tertentu seperti menghina orang lain, tidak mengambil berat serta bersikap suka bertangguh terhadap arahan pemerintah dan membuat penyaksian palsu. Pelaksanaan hukuman ringan bertujuan untuk memberi pengajaran, kesedaran dan peluang kepada pesalah untuk bertaubat. Selain itu, ia juga bertujuan memberikan pemulihan ke atas pesalah untuk memperbaiki diri serta menjadi masyarakat yang patuh kepada hukum syarak dan undang-undang.

Dapatan kajian juga mendapati tiada terdapat penggunaan kaedah kompaun dalam kebanyakan kesalahan-kesalahan yang melibatkan jenayah syariah dalam enakmen, akta atau ordinan jenayah syariah negeri-negeri di Malaysia, namun begitu, terdapat penggunaan denda melalui kompaun terhadap kesalahan-kesalahan dibawah peruntukan Enakmen Kesalahan Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Perlis, 2024 yang melibatkan kesalahan berhubung dengan akad nikah perkahwinan, poligami tanpa kebenaran mahkamah, perceraian diluar mahkamah, tidak membuat laporan, persetubuhan luar nikah selepas perceraian dan subahat. Begitu juga bagi Majlis Perbandaraan Kota Bharu Kelantan-Bandaraya Islam (MPKB-BRI) yang menggunakan kaedah kompaun kepada pemegang lesen yang melanggar kesalahan tidak menutup aurat dan berpakaian sopan yang diperuntukkan dalam Undang-Undang Kecil Tred, Perniagaan dan Perindustrian MPKB 1989 (Pindaan) 2002. Kompaun bagi kesalahan tidak menutup aurat dan berpakaian sopan dalam undang-undang kecil tersebut dilihat terdapat elemen keagamaan dan nilai-nilai kerohanian.

Justeru, Islam membenarkan untuk melaksanakan apa-apa sahaja bentuk hukuman bagi kesalahan atau jenayah takzir dengan syarat hukuman tersebut mestilah sesuai dengan falsafah hukuman dalam Islam dan mencapai matlamat hukuman yang dikehendaki syarak supaya dapat menghindarkan daripada berlakunya jenayah, memberi pengajaran kepada pesalah dan memelihara kepentingan umum. Sehubungan itu dalam pelaksanaan hukuman denda, pemerintah, hakim atau badan perundangan sesebuah negara perlulah sentiasa berusaha supaya hukuman yang dilaksanakan dapat memberi pengajaran dan menghindarkan diri pesalah daripada melakukan kesalahan yang sama (Jasri Jamal dan Hasnizam Hashim, 2017; Muhajirin, 2019).

Setiap kesalahan atau jenayah memberikan kemudaran bukan sahaja kepada pesalah, bahkan kepada masyarakat dan negara. Kompaun adalah merupakan salah satu bentuk hukuman denda sebagai pencegahan untuk menghindarkan kemudaran terus berlaku. Hal ini bertepatan dengan kaedah fiqh iaitu *الضَّرَرُ يُدْفَعُ بِقَدْرِ الْإِمْكَانِ* (Kemudaran itu dihindari mengikut kadar kemampuan). Dalam kaedah ini menunjukkan bahawa pencegahan adalah perlu bagi memastikan sesuatu kemudaran itu tidak berlaku dan mencari sekadar mungkin atau mengikut kemampuan jalan keluar supaya ianya tidak berlaku seperti mencegah sesuatu penyakit adalah lebih baik daripada mengubati (Erfan Asmaie Khairul Anam et.al., 2022).

Oleh demikian, kajian ini mencadangkan keperluan penggunaan kompaun dalam kesalahan tidak boleh tangkap dibawah Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka yang boleh dipertimbangkan oleh pihak berautoriti untuk mengambil tindakan seperti berikut:

i. Penggunaan kompaun terhadap beberapa kesalahan tidak boleh tangkap dibawah Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka (EKSNM)

Sepertimana terdapat penggunaan kompaun terhadap kesalahan-kesalahan kecil dan tertentu seperti kesalahan lalu lintas, kesalahan yang terdapat dibawah akta Imigresen, kesalahan dibawah akta kerajaan tempatan (PBT) dan lain-lain, maka kajian ini mencadangkan keperluan penggunaan kompaun terhadap kesalahan-kesalahan tidak boleh tangkap dibawah EKSNM yang tertentu iaitu kesalahan tidak menunaikan sembahyang Jumaat dibawah seksyen 46, menjual makan dan makan dalam bulan Ramadan dibawah seksyen 49, perbuatan tidak sopan dibawah seksyen 71 dan menyertai sembahyang Jumaat pada masjid atau mana-mana tempat yang tiada kebenaran bertulis dari pihak Majlis dibawah seksyen 84 (2) EKSNM 1991. Ini kerana antaranya terdapat di dalam elemen-elemen kesalahan tersebut memerlukan pembuktian yang kuat dan sukar dibuktikan seperti kesalahan dibawah seksyen 46 (tidak menunaikan sembahyang Jumaat) yang memerlukan pembuktian seseorang lelaki Islam yang baligh tidak menunaikan sembahyang Jumaat sebanyak 3 kali berturut-turut dan di dalam Masjid kariahnya.

ii. Penggunaan kompaun terhadap kesalahan kali pertama dalam kesalahan tidak boleh tangkap dibawah Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka (EKSNM)

Kajian ini juga mencadangkan penggunaan kompaun terhadap pelaku kali pertama yang melakukan kesalahan tidak boleh tangkap dibawah EKSNM 1991 iaitu seksyen 46 (tidak menunaikan sembahyang Jumaat), seksyen 49 (menjual makan dan makan dalam bulan Ramadan), seksyen 71 (perbuatan tidak sopan) dan seksyen 84 (2) (menyertai sembahyang Jumaat pada masjid atau mana-mana tempat yang tiada kebenaran bertulis dari pihak Majlis). Hal ini kerana kaedah kompaun terhadap kesalahan kali pertama merupakan pencegahan awal dan pemulihan yang diberikan terhadap pelaku supaya tidak mengulangi kesalahan tersebut. Pemulihan ke atas pesalah dapat memberi ruang untuk mereka memperbaiki diri dan kembali kepada syariat Islam. Namun sekiranya pelaku tersebut berulang melakukan kesalahan maka hendaklah diambil tindakan atau disabitkan hukuman sedia ada seperti yang diperuntukkan dalam EKSNM 1991 bagi kesalahan-kesalahan tersebut.

Kesimpulan

Kompaun merupakan hukuman denda yang boleh dikategorikan hukuman takzir dan ianya menepati matlamat hukuman dalam Islam antaranya memberi pengajaran, pencegahan dan pemulihan kepada pesalah daripada berulang melakukan kesalahan serta masyarakat daripada melakukan kesalahan. Kompaun juga dilihat sebagai salah satu daripada peringanan hukuman bagi memberi kesedaran dan peluang kepada pesalah untuk bertaubat. Selain itu peringanan hukuman ini pernah dilaksanakan oleh Rasulullah S.A.W dan para sahabat dalam hukuman takzir seperti celaan rasmi atau amaran (*al-Tawbikh*), pemulauan (*al-Hajr*), ugutan (*al-Tahdid*) dan pendedahan kesalahan di khalayak ramai (*al-Tasyhir*). Bertepatan dengan kaedah fiqh *Kemudaratan itu dihindari mengikut kadar kemampuan*, kompaun antara jalan keluar bagi menghindari kemudaratan daripada berlaku. Oleh yang demikian pelaksanaan kompaun terhadap kesalahan kali pertama bagi beberapa kesalahan tidak boleh tangkap dibawah Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991(EKSNM) merupakan satu peringatan, pencegahan, pemulihan dan amaran awal kepada pelaku kesalahan supaya tidak mengulangi kesalahan yang dilakukan. Namun sekiranya pelaku kesalahan berulang melakukan kesalahan, maka tindakan selanjutnya berdasarkan pensabitan di mahkamah seperti peruntukan hukuman sedia ada dalam EKSNM 1991. Sehubungan itu, keharusan pemerintah dan pihak berkaitan

mengenakan kompaun terhadap pelaku kesalahan tidak boleh tangkap ini adalah sebagai salah satu usaha untuk mencegah kesalahan daripada berlaku.

Penghargaan

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dr. Azhar Abdul Aziz di atas sokongan dan memberikan maklumat, input serta membantu penulis dalam penulisan artikel kajian ini. Penghargaan juga kepada Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Melaka atas sokongan yang berguna dalam penulisan artikel kajian ini.

Rujukan

- Abi Abdul Rahman Ahmad Bin Syua'ib Bin Ali Al-Syahir (An-Nasa'i) (1988), *Sunan Nasa'i* (Cet. Pertama), Riyadh: Maktabah Al-Ma'arif Lil-Nasyir Wal Tauzi'.
- At-Tirmidzi (1992), *Sunan At-Tirmidzi*, Dra. H. Moh Zuhri. Dipl, Tafl, Dkk(terj.), (Cetakan Pertama), Hadis no. 654, Semarang: CV.Asy Syifa': 795.
- Abdullah Basmeih (2013), *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an*, (Cetakan ke-20), Kuala Lumpur: Darul Fikir
- Al-Mawardi (2014), *Al-Ahkam As-Sulthaniyyah, Hukum-Hukum Penyelenggaraan Negara Dalam Syariat Islam*, Fadli Bahri, Lc, (terj.), Jakarta: Darul Falah
- Abdurrahman bin Muhammad Iwadh Al-Juzairi (2015), *Fikih Empat Madzhab*, Jakarta :Pustaka Al-Kautsar
- Adibah Bahori, Siti Zubaidah Ismail dan Nik Khazarita Nik Md Khalib (November, 2017), Keperluan Hukuman Alternatif Terhadap Penyelesaian Krisis Akhlak Di Malaysia; Analisis Pendekatan Undang-Undang Syariah, Kertas Kerja dibentangkan di Prosiding Persidangan Antarabangsa Kelestarian Insan (INSAN2017) di Ayer Keroh Melaka.
- Amin al-Jarumi dan Nadia Murshida Abd Azzis (2017), Pelaksanaan Tarbiyah Islamiah Pada Zaman Rasulullah s.a.w di Mekah dan Madinah: Satu Sorotan, *UMRAN, Journal Of Islamic And Civilisational Studies* (Vol. 7 No. 3 (2020), Johor: Universiti Teknologi Malaysia
- Bukhari (1993), *Sahih Bukhari*. H.Moh Abdai Rothomy, (terj.), (Jil.1. Cetakan ke-2), Kuala Lumpur: Victory Agencie
- Erfan Asmaie Khairul Anam, Abdul Basir Mohamad Dan Mohammad Zaini Yahaya (2022), Analisis Kaedah Menghilangkan Kemudaratan Dalam Penstrukturan Semula Pembiayaan Islam, *Journal of Contemporary Islamic Law*, Vol. 7(1), (2022): Universiti Kebangsaan Malaysia: 14-25.
- Hamdani, Muhamad Helmi Md Said dan Zinatul Ashiqin Zainol (2021), Kesan Hukuman Sebat Terhadap Pesalah Jenayah Syariah Di Aceh. *Islamiyyat : Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam*, 43(SI), Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hasnizam Hashim, Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Ahmad Syukran Baharuddin, Zulfaqar Mamat, Lukman Abdul Mutalib, Mohamad Aniq Aiman Alias, Baidar Mohammed, Mohammed Hassan Dan Norma Jusof (2024), Hukuman Alternatif Berorientasikan Pemulihan Ke Atas Pesalah Jenayah: Analisis Terhadap Kesesuaian Serta Mekanisme Pelaksanaannya Di Mahkamah Syariah, *LexForensica: Forensic Justice And Socio-Legal Research Journal*, Vol. 1 No. 1 (2024), Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Ibrahim, A. (1978), Hukuman sebat di dalam undang-undang Islam dan undang-undang awam di Malaysia, *Seminar Pentadbiran Undang-Undang Syariah Jenayah Dan Keluarga Islam, 1978, Kedah*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Imam An-Nawawi (2002), *Terjemah Syarah Sahih Muslim*. Wawan Djunaedi Soffandi, S.Ag, (terj.), (Cetakan Pertama), Jakarta: Mustaqiim

- Ibnu Katsir (2003), Tafsir Ibnu Katsir, M.Abdul Ghoffar E.M dan Abdurrahim Mu'thi, (terj.), Jil. 4, Indonesia: Pustaka Imam asy-Syafi'i: 388-391
- Ibnu Qudamah (2008), Al Mughni, M Syarafuddin Khattab, Sayyid Muhammad Sayyid dan Sayyid Ibrahim Sahdiq (Tahqiq), penterjemah, Jakarta: Pustaza Azzam: 383-387
- Imam Nawawi (2010), Syarah Shahih Muslim, Khalil Ma'mun Syiha (Tahqiq), penterjemah, Jilid 12, Jakarta: Darus Sunnah: 98-101.
- Jasri bin Jamal dan Hasnizam bin Hashim (2016), Hukuman Alternatif Di Mahkamah Syariah: Keperluan Penambahbaikan Peruntukan Perundangan Syariah Negeri-Negeri, *Malaysian Journal of Syariah and Law*, Vol. 4, (2016): Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Jasri Jamal dan Hasnizam Hashim (2017), Transformasi Bidang Kuasa Mahkamah Syariah Di Malaysia: Penilaian Semula Terhadap Hukuman Takzir, *KANUN: Jurnal Undang-undang Malaysia*, Vol. 29, No. 1 (2017), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Junainah Hanim Mohamed Nor, Sharifah Nurulhuda S Ab Latif dan Mohd Fuad, M. (2024), Penerimaan Kompaun Binatang Berkeliaran Yang Ditangkap Atau Disita Oleh Pihak Berkuasa: Analisis Hukum Dan Pandangan Ulama, *Al-Takamul Al-Ma'rifi*, Vol. 7, No. 2 (2024), Perak: Universiti Sultan Azlan Shah: 34-42.
- Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis (2025), Makluman pelaksanaan kompaun bagi 7 kesalahan di bawah Undang-undang Keluarga Islam 2006 (Enakmen 7) iaitu Kaedah-kaedah Undang-undang Keluarga Islam (Pengkompaunan Kesalahan) Negeri Perlis 2024. Diakses pada 21 Mei 2025 (Facebook Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis – JAIPs) dari <https://www.facebook.com/photo/?fbid=654521284300392&set=a.100279019724624>
- Khairul Hamim (2020), Fikih Jinayah, Cetakan: 1, Indonesia: Sanabil: 76-78
- Kementerian Kesihatan, 2021, Siaran Kementerian Kesihatan Malaysia - Portal Myhealth, Diakses pada 1 April 2021 (Kementerian Kesihatan Malaysia) dari https://www.facebook.com/myhealthkkmposts/kompaun-dikenakan-sebagai-suatu-bentuk-pencegahan-supaya-masyarakat-mematuhi-und/4212387448812754/?locale=ms_MY
- Laman Interaktif Trafik PDRM (2015), Kadar Baru Kompaun Saman. Diakses pada 2015, dari https://trafik.rmp.gov.my/copsportal/userpage/Kadar_Baru_Kompaun.aspx.
- Muhammad Rawwas Qal'ahjih (1981), *Mausu'ah Fiqh Umar ibn al-Khattab*, (Cetakan Pertama, 1981), Kuwait: Maktabah al-Falah.
- Muhammad bin Ahmad bin umar al-Syathiri (2007), Syarah Yaqutun Nafis Fi Mazhab Ibnu Idris, cetakan kedua: Beirut: Darul Manhaj: 760
- Mohd Azhar Abdullah dan Raihanah Abdullah (2010), Peruntukan Undang-Undang Aurat Dan Pakaian Sopan Menurut Bidang Kuasa Majlis Perbandaran Kota Bharu –Bandar Raya Islam: Satu Huraian, *Jurnal Syariah*, Jil. 18, Bil. 2 (2010): Universiti Malaya: 361-400.
- Mohd. Afizul Hakim Ibakarim & Nasrul Hisyam Nor Muhamad (2017), Kesalahan Lelaki Berlagak Seperti Perempuan: Keberkesanan Undang-undang Jenayah Syariah Di Johor, *KANUN: Jurnal Undang-Undang Malaysia*, Vol. 29, No. 1 (2017). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Mustaffa Jusoh @ Yusoff, Mohd Musa Sarip Dan Wan Abdul Fattah Wan Ismail (2018), Kelangsungan Syariat Islam Menerusi Perundangan Malaysia, *Al-Hikmah, Journal Of Islamic Dakwah*, (Vol. 10, No 1 (2018), Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhajirin (2019), Al-Gharâmah Al-Mâliyah: Studi Kasus Penerapan Denda Pada Kasus Penundaan Pembayaran Akad Utang Piutang, *Al-Mashlahah: Jurnal Hukum Islam dan Pranata Sosial Islam*, (Vol. 07, No. 2 (Oktober, 2019), Indonesia: Sekolah Tinggi Agama Islam (STAI) Al Hidayah Bogor.

- Muhammad Zulazizi Mohd Nawawi (2020), Sistem Undang-Undang Jenayah Islam Dan Pelaksanaannya Di Malaysia: Antara Tuntutan Islam Dan Realiti Semasa, *Kertas kerja Simposium Pemerkasaan Mahkamah Syariah (SEMASA 2017) bertarikh 6 Julai 2017 di Dewan Eksprimental, Kolej Universiti Insaniah, Kuala Ketil, Baling, Kedah Darul Aman: Kolej Universiti Insaniah.*
- Myportfolio Unit Operasi, Bahagian Penguatkuasaan JAIM, Senarai Tugas Unit Operasi
- Norrazanah Binti Ibrahim (2003), *Hukuman Dan Pemulihan Pesalah Juvenil Di Malaysia: Satu Analisis Daripada Perspektif Islam*, Tesis Ijazah Sarjana Syariah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Nuryasni Yazid (2011), *Hukuman Ta'zir Dalam Pemikiran Umar Bin Khattab*, Tesis Ijazah Sarjana Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau: Indonesia.
- Nurhidayah Binti Azahari dan Zanariah Binti Dimon (2021), Pelaksanaan Hukuman Alternatif Bagi Pesalah Muda Dan Wanita Menurut Undang-Undang Islam Di Malaysia, *Kerja Kerja dibentangkan secara online di International Conference On Syariah & Law2021(ICONSYAL 2021)* bertarikh 6 April 2021, Selangor: Universiti Islam Selangor.
- Portal Rasmi Jabatan Imgresen Malaysia (2025), Tindakan Kompunan. Diakses pada 27 Jun 2025, dari <https://www.imi.gov.my/index.php/penguatkuasaan/tindakan-kompau/>.
- Portal Rasmi Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (2025), Kadar Kompau. Diakses pada 27 Jun 2025, dari <https://www.mphtj.gov.my/index.php/ms/rakyat/perkhidmatan/kadar-kompau>.
- Rekod Pergerakan Kertas Siasatan Kesalahan Seksyen 49 Dan 71 EKSNM 1991, Bahagian Penguatkuasaan JAIM
- Sayyid Sabiq (2001), *Feqh As-Sunnah*, Jilid 2, Mesir: Dar al-Fath Lil-'Alaam al-'Arabi: 322-323.
- Syeikh Abdurrahman Al-Juzairi (2015), Fikih Empat Madzhab, Jilid 6, penterjemah, Indonesia: Pustaka Al-Kautsar: 220-221.
- Statistik Kes Kesalahan Syariah Di Bawah Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka (EKSNM) 1991, Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Melaka.

Senarai Statut

- Akta Pengangkutan Jalan 1987, seksyen 120 (Kkuasa untuk mengkompaun)
- Akta Perkhidmatan Bomba 1988, seksyen 59 (Mengkompaun kesalahan)
- Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981, seksyen 32 (Kuasa untuk mengkompaun kesalahan)
- Akta Pemegang Pajak Gadaai 1972, seksyen 43c (Kuasa untuk mengkompaun)
- Akta 171, Akta Kerajaan Tempatan 1976
- Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991
- Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Negeri Melaka 2002